

19 MAY 2001

Mahathir-kerajaan

USAHA JAMIN SEMUA KAUM ADA WAKIL DALAM KERAJAAN DAN SWASTA

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan cuba menentukan semua kaum di negara ini akan diwakili dalam kerajaan dan juga sektor swasta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita bimbang sedikit kerana dalam perkhidmatan kerajaan tidak ada banyak orang bukan Melayu...Cina tak cukup, India tak cukup. Biasanya kita akan mempunyai seorang dari masyarakat India sebagai ketua setiausaha (sebuah kementerian) tetapi sekarang sukar mendapat orang berkenaan (kerana) tidak banyak yang menyertai (perkhidmatan awam) dan jika ada yang menyertai, mereka tidak tunggu (sehingga bersara)," katanya.

Perdana Menteri berkata perwakilan yang agak seimbang terdapat dalam perkhidmatan diplomatik tetapi tidak dalam angkatan tentera dan polis.

"Ini tidak hanya perlu berlaku dalam kerajaan...dalam sektor swasta juga kita harus mempunyai syarikat dan perbadanan yang diwakili oleh semua kaum agar dengan cara itu, kita akan seimbang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-55 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata mentaliti rakyat pada masa ini ialah agar orang Melayu menyertai kerajaan dan bukan Melayu memasuki sektor swasta.

Beliau juga berkata yang turut membimbangkan ialah melihat orang Melayu terlalu bergantung kepada kuota Bumiputera khususnya dalam universiti kerajaan.

"Mereka tidak mendapatkan kelayakan secukupnya untuk memasuki universiti swasta. Memanglah yuran universiti swasta lebih tinggi dan kerajaan sedia memberi subsidi jika mereka mahu masuk universiti swasta tetapi mereka perlu mempunyai kelayakan yang sewajarnya," katanya.

Ketika ditanya mengenai permintaan MIC bagi kuota berasingan untuk pelajar masyarakat India, Perdana Menteri berkata MIC sentiasa berpendapat ia tidak diberikan peruntukan secukupnya dalam universiti berdasarkan kuota bukan-Bumiputera.

"Maka tahun ini, mengikut Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, kita telah memberi peruntukan khas kepada masyarakat India di kalangan kuota bukan-Bumiputera supaya mereka mendapat bahagian yang adil," katanya.

Ketika ditanya bagaimana kerajaan bercadang menambah ekuiti ekonomi masyarakat India kepada 3 peratus daripada 1.5 peratus seperti yang terkandung dalam RRJP3, beliau berkata mekanismenya belum ditentukan lagi.

Ketika ditanya kenapa kaum Cina tidak menyertai perkhidmatan kerajaan, Dr Mahathir berkata masyarakat itu berpendapat bahawa menjalankan perniagaan merupakan pekerjaan lebih lumayan.

"Jika mereka masuk perkhidmatan kerajaan, prospek mereka terhad. (Sebenarnya) ia juga terhad kepada yang lain tetapi bagi kaum Cina, mereka melihat lebih banyak peluang di luar perkhidmatan kerajaan. Mereka memilih untuk tidak menyertai kerajaan dan jikapun mereka menyertainya, separuh jalan mereka akan berhenti untuk memasuki sektor swasta," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa menaikkan gaji kakitangan awam bukanlah penyelesaian kepada masalah itu.

"Saya pernah berkhidmat dengan kerajaan dan saya berhenti untuk membuka klinik sendiri kerana gajinya tidak menarik. Tetapi jika kerajaan menaikkan gaji kakitangannya, saya juga boleh menaikkan bayaran saya. Sebagai doktor swasta, saya akan sentiasa di hadapan. Kita tidak dapat menyekatnya," katanya.

-- BERNAMA

SR DC MAI